

5.10.2023
Siaran Media

IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAHB dan PBAPP.

PBAPP SEDIA BEKERJASAMA DENGAN SEKOLAH-SEKOLAH DI PULAU PINANG UNTUK PENJIMATAN AIR DAN WANG

- **Lanjutan kepada rebat bil air selama 6 bulan bagi sekolah-sekolah yang layak di Pulau Pinang, PBAPP akan bantu sekolah pergiatkan kempen penjimatan air.**
- **Pemuliharaan air di sekolah adalah penyelesaian yang lebih rasional, mampan dan “hijau” berbanding pemberian rebat.**

PULAU PINANG, Khamis, 5.10.2023: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) bersedia untuk bekerjasama dengan semua sekolah di Pulau Pinang untuk membantu mereka menjimatkan air sekaligus menjimatkan wang.

Pemuliharaan air adalah penyelesaian yang lebih rasional, mampan dan “hijau” berbanding dengan pemberian rebat bil air. Langkah-langkah yang boleh diambil termasuk:

- 1) Pemasangan peranti penjimatan air (WSD) di semua tandas sekolah untuk menjimatkan air “secara automatik” dengan setiap penggunaan;
- 2) Mendidik dan mengingatkan murid-murid supaya mengamalkan tip penjimatan air seperti tidak membiarkan pili air mengalir, meminimumkan penggunaan hos semburan dan melaporkan paip atau pili yang bocor kepada pentadbir sekolah dengan segera;
- 3) Mengurangkan penggunaan air secara keseluruhan untuk kerja-kerja berkebun, pembersihan dan penyelenggaraan di sekolah;
- 4) Melarang mencuci kereta atau motosikal di kawasan sekolah;
- 5) Melaksanakan “projek penjimatan air” sekolah seperti sistem penuaian air hujan yang inovatif untuk menakung air untuk kegunaan berkebun dan/atau memasang sistem tandas yang meminimumkan penggunaan air untuk tujuan pembilasan;



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

- 6) Membaiki/menukar semua paip dan pili yang bocor di kawasan sekolah dengan segera; dan
- 7) Menghubungi PBAPP untuk menggantikan meter air sekolah lama yang mungkin tidak berfungsi.

Semakan Tarif “Bukan Domestik” 2023 di Pulau Pinang

PBAPP sedar bahawa pelaksanaan tarif air “bukan domestik” baru di Pulau Pinang pada 2023 akan meningkatkan kos operasi sekolah di sini. Walau bagaimanapun, kami meminta pihak sekolah dan orang ramai mempertimbangkan fakta berikut:

- Pada 29.7.2022, Kerajaan Persekutuan (terdahulu) mewartakan tarif air “bukan domestik” baru, dan bukannya PBAPP atau Kerajaan Negeri Pulau Pinang;
- Kerajaan Persekutuan (terdahulu) juga mengkategorikan semula penggunaan air oleh sekolah sebagai penggunaan “bukan domestik” pada Julai 2022;
- Pada 29.7.2022, tarif “bukan domestik” telah disemak serentak untuk semua 11 negeri di Semenanjung Malaysia dan wilayah persekutuan Putrajaya, Kuala Lumpur dan Labuan;
- Kira-kira 5 bulan kemudian, pada 1.1.2023, PBAPP melaksanakan tarif “bukan domestik” baru di Pulau Pinang, seperti yang diwartakan oleh Kerajaan Persekutuan;
- Pada 16.4.2023, Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan bahawa sekolah di Pulau Pinang boleh memohon rebat bil air selama 6 bulan (dari April hingga September 2023).
- Sehingga Ogos 2023, sebanyak 85 sekolah Pulau Pinang telah berjaya memohon rebat tersebut. Unjuran menunjukkan bahawa jumlah nilai rebat adalah kira-kira RM200,000 untuk tempoh dari April hingga Ogos 2023.

Rebat sekolah-sekolah Pulau Pinang 2023 adalah tanda muhibah “sekali beri”.



Dari sudut pandangan PBAPP, rebat 2023 untuk sekolah-sekolah di Pulau Pinang harus dianggap sebagai tanda muhibah “sekali beri”, atas sebab-sebab berikut:

- Purata tarif “bukan domestik” di Pulau Pinang ialah **RM2.06 setiap 1,000 liter** (untuk 500,000 liter pertama sebulan). Ia adalah antara yang terendah di Semenanjung Malaysia. Purata kebangsaan ialah RM2.24 setiap 1,000 liter.
- Terdapat lebih daripada 10,000 sekolah di Malaysia (mengikut data 2020 yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan). Sepanjang pengetahuan kita, kira-kira 99% daripada semua sekolah di Malaysia telah menyesuaikan diri dengan membayar tarif baharu untuk bekalan air mereka sejak Ogos 2022, tanpa rebat.
- Di seluruh Malaysia, semua pengguna bukan domestik, termasuk hospital, rumah anak yatim, rumah warga emas, pusat dialisis, badan amal, kolej, angkatan tentera, polis dan bomba turut membayar lebih untuk air sejak Ogos 2022.
- Pada 2022, PBAPP menyediakan subsidi air domestik untuk 585,740 pengguna domestik di Pulau Pinang. Jumlah kos subsidi adalah sebanyak RM103.71 juta.
- Dalam tempoh dari 2023 hingga 2028, PBAPP perlu melabur sejumlah RM1.1836 bilion untuk melaksanakan 8 projek di bawah “Pelan Kontingensi Air 2030” (WCP 2030). Projek-projek ini diperlukan untuk memastikan kecukupan bekalan air di Pulau Pinang sehingga Tahun 2030.

Sekolah boleh mendapatkan sokongan dan bantuan “penjimatan air” daripada PBAPP

Sebenarnya, bil air hanya terdiri daripada sebahagian kecil daripada keseluruhan kos operasi sekolah, berbanding kos sumber manusia, elektrik, bahan api, penyelenggaraan, perkhidmatan sokongan dan bekalan boleh guna.

Selain itu, sesiapa sahaja pengguna air Pulau Pinang boleh mengurangkan bil air dengan hanya menggunakan air secara bijak. Peraturan ini terpakai kepada isi rumah dan juga sekolah.

Namun begitu, adalah penting bagi Pulau Pinang untuk memupuk budaya penjimatan air kerana kita adalah negeri yang mengalami kekurangan air.



PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

PBAPP telah memasang alat penjimatan air di 287 masjid dan surau dan semua bangunan PBAPP untuk menggalakkan pemuliharaan air. PBAPP juga telah mempromosikan program pemuliharaan air "Aqua Save" untuk sekolah di bawah projek "Penang Green Schools" yang diuruskan oleh Penang Green Council.

Kami mempunyai pengalaman dan sumber untuk membantu sekolah-sekolah Pulau Pinang untuk menjimatkan air dan wang. Kami sedia membantu. Pegawai sekolah boleh menghubungi kakitangan PBAPP berikut untuk mendapatkan sokongan dan bantuan:

- **Nama : Ms Sangeethaa Sathasivam, Eksekutif Kualiti, Keselamatan & Kesihatan,
No tel : 012 552 8871
Email : sangeethaa@pba.com.my**

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my